

**31 OKTOBER-2 NOVEMBER: MAJLIS KONVOKESYEN UUM KE-23  
(SIDANG KEDUA)**

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 Oktober 2010 17:18

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

22 OKTOBER 2010/14 ZULKAEDAH 1431H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan mengadakan Majlis Konvokesyen ke-23 (Sidang Kedua) seperti berikut:

Tarikh : 31 Oktober - 2 November 2010 (Ahad-Selasa)

Tempat : Dewan Mu'adzam Shah, UUM

Konvokesyen akan dilangsungkan dalam enam sesi. Sesi Pertama dan Sesi Kedua pada 31 Oktober 2010 (Ahad), Sesi Ketiga dan Sesi Keempat pada 1 November 2010 (Isnin) manakala Sesi Kelima dan Sesi Keenam pada 2 November 2010 (Selasa).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor akan berangkat untuk menyempurnakan Sesi Pertama Konvokesyen ini. Turut berangkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh (Pro-Canselor I) akan mempengerusikan Sesi 2, 3 dan 4 manakala Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim (Pro-Canselor II) akan mempengerusikan Sesi 5 dan 6.

Sempena konvokesyen ini, UUM turut menganjurkan Pesta Konvokesyen UUM ke-23, 2010 bertemakan "1Malaysia: Mahasiswa Bersatu" selama lima hari bermula 29 Oktober hingga 2 November 2010 (Jumaat-Selasa) dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 malam di Tapak Ekspo, Padang Kawad PALAPES, Kompleks Sukan dan sekitar UUM yang akan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar bersama Jawatankuasa Pelajar yang telah dilantik. Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang sepanjang tempoh tersebut.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi urus setia di telefon 04-928 3018/3014/3066 (Jemputan &amp; Publisiti); 04-928 3002/3004/3017 (Perarakan Besar); 04-928 4172/4160 (Penerimaan); 04-928 3026/3030/3021/ (Pengacaraan/Sambutan); 04-928 3251/3257 (Pengangkutan); 04-928 3313/3315 (Jaminan/Santapan); 04-928 3116/3172 (HEA); 04-928 4893/3224 /019-4508611 (Sekretariat Pesta Konvo UUM)

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3013/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: [ukkuum@uum.edu.my](mailto:ukkuum@uum.edu.my)